

# Semua menteri bertanggungjawab jelas isu dibangkit Dr. Mahathir

PUTRAJAYA 14 Jun - Kabinet memutuskan semua menteri mengambil tanggungjawab secara kolektif memberi penjelasan terperinci mengenai segala isu yang dibangkitkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada rakyat di setiap peringkat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah itu penting supaya tidak timbul lagi sebarang kekeliruan atau kekurangan maklumat sehingga ada pihak menganggap kerajaan tidak telus dan ingin melindungi sesuatu.

"Itu memang diputuskan oleh Perdana

Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan Kabinet.

"Maknanya saya di Kementerian Pertanian bukan kena memberikan penjelasan mengenai pertanian sahaja, kita akan sampaikan penerangan kepada semua pihak atau persatuan-persatuan mengenai isu yang dibangkitkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet di kementeriannya di sini hari ini.

Muhyiddin ditanya keputusan Kabinet mengenai tindakan yang diambil berhubung

kritikan bekas Perdana Menteri terhadap beberapa dasar dan keputusan kerajaan pimpinan Abdullah.

Kelmarin, Perdana Menteri melalui kenyataan seorang penolong pegawai akhbarinya berkata, semua penjelasan mengenai dakwaan yang dibuat oleh Dr. Mahathir akan dijawab oleh kementerian berkaitan.

Perdana Menteri berkata, semua jawapan itu akan dijawab dengan terperinci oleh kementerian terbabit dan bukannya beliau.

Sebelum itu, bekas pengerusi Kelab Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC),

Datuk Shahrir Abdul Samad dilaporkan mahu Abdullah diberi ruang melaksanakan proses penjelasan kepada orang ramai mengenai kritikan tersebut.

Muhyiddin yang juga Naib Presiden UMNO berkata, sekiranya penjelasan berkenaan tidak diberikan, orang ramai akan beranggapan kerajaan tidak mengambil peduli atas segala isu yang ditimbulkan.

Sedangkan katanya, kerajaan tidak mempunyai sebarang masalah kerana semuanya berjalan dengan baik malah pertumbuhan ekonomi adalah menggalakkan.